

IMEJ POLITIK UMAT ISLAM: TUMPUAN KHUSUS TERHADAP AMALAN POLITIK KHALIFAH UMAR ABDUL AZIZ

POLITICAL IMAGE OF ISLAMIC UMMATIC: A FOCUS ON THE POLITICAL PRACTICES OF KHALIFAH UMAR ABDUL AZIZ

Nur Atirah Mohamad Razif ^{1a}
Mohd Syakir Mohd Rosdi ^{2 b}

^a Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang
Emel: aalsyahidah_91@yahoo.com.my; Tel: +60174596517

^b Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang
Email: bmohdsyakirmohdrosdi@gmail.com; Tel: +60194264342

Accepted date: 29-10-2019

Published date: 31-12-2019

To cite this document: Nur Atirah, M. R., & Mohd Syakir, M. R. (2019). Imej Politik Umat Islam: Tumpuan Khusus Terhadap Amalan Politik Khalifah Umar Abdul Aziz. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 2(5), 1-14.

Abstrak: Khalifah Umar Abdul Aziz terkenal sebagai pengamal politik Islam. Amalan politiknya dilihat berjaya memulihkan imej politik umat Islam pada zamannya. Oleh sebab imej politik umat Islam pada hari ini sedikit tercemar dengan amalan ekstremis, liberalis, pluralis dan sekularis, bolehkah amalan politik Islam Khalifah Umar Abdul Aziz itu dipraktikkan pada masa sekarang? Berasaskan persoalan ini, artikel ini berhasrat untuk meneliti amalan politik Islam Khalifah Umar Abdul Aziz yang sesuai untuk memulihkan imej politik umat Islam masa kini. Untuk mencapai hasrat ini, artikel ini dilakukan dengan menggunakan kajian dokumen untuk mendapatkan data-data sekunder. Kemudian, data-data ini dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasilnya, terdapat enam amalan politik Islam Khalifah Umar Abdul Aziz yang sesuai dilaksanakan sebagai cadangan pemulihan imej politik umat Islam masa kini. Pertama, amalan politik berasaskan keadilan; kedua, amalan politik berasaskan amar makruf nahi mungkar; ketiga, amalan politik berasaskan amanah; keempat, amalan politik berasaskan sistem syura; kelima, amalan politik berasaskan pengagihan semula kekayaan; dan keenam, amalan politik berasaskan perlindungan sosial. Mengamalkan keenam-enam amalan ini boleh menjaga imej Islam dalam implimentasi sikap umat Islam yang baik.

¹ Nur Atirah binti Mohamad Razif ialah pelajar Ijazah Sarjana Pengurusan Pembangunan Islam di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.

² Dr. Mohd Syakir Mohd Rosdi merupakan pensyarah kanan di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM). Beliau merupakan ketua penyelidik bagi Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), bertemakan Model Eko-Politinomik Islam dengan rujukan KPT FRGS/1/2018/SSI12/USM/02/1 dan nombor rujukan USM 203/CISDEV/6711711. Artikel yang dikemukakan ini adalah termasuk daripada salah satu kajian untuk memperdalamkan lagi penyelidikan berkaitan geran tersebut. Penghargaan khusus kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Sains Malaysia kerana memberikan sokongan dan menyokong penghasilan artikel ini.

Kata Kunci: *Imej Politik, Politik Islam, Amalan Politik Islam, Amalan Politik Khalifah Umar Abdul Aziz, Politik Khalifah*

Abstract: *The Caliph of Umar Abdul Aziz is known as the Islamic political practitioner. In his period, political practices of the Muslim's political image seen successful. Now, since the political image of Muslims today are slightly polluted with extremist practices, liberal, pluralist and secularist, can the political practice of Islam Caliph Umar Abdul Aziz was practiced? Based on this issue, this article aims to examine the political practice of Islam the caliph of Umar Abdul Aziz appropriate to restore the political image of Muslims today. To achieve this aim, this article is performed using the document study to obtain secondary data. Then, these data were analyzed using content analysis method. As a result, there are six political practice of Islam on Caliph Umar Abdul Aziz are to be implemented as proposed political image recovery Muslims today. Firstly, political practice based on justice; second, political practice based on amar makruf nahi mungkar; third, the political practice based on trust; fourth, political practice based on syura's system; fifth, based on political redistribution practice of wealth; and sixth, political practice based on social protection. Practicing these six practices can preserve Islamic image in good behavior.*

Keywords: *Political Image, Islamic Political, Practice of Islamic Political, Political Practice of the Umar Abdul Aziz's Caliph, Political of Caliph*

Pengenalan

Khalifah Umar Abdul Aziz adalah antara pemimpin Islam yang dikagumi. Kekaguman ini dilihat dari segi percaturan amalan politiknya yang bukan sahaja bertepatan dengan Islam bahkan tepat dengan suasana dan situasi ketika amalan itu dilaksanakan. Baginda menyusun langkah-langkah dengan berhati-hati supaya imej sistem pemerintahan atau politik berasaskan syariat Islam tidak tercemar dan tidak diperlekehkan oleh negara lain. Amalan politik sebegini jika dipraktikkan pada zaman sekarang mampu mengembalikan imej politik umat Islam ke arah yang lebih baik (Amer Matsom, 1993).

Terdapat pelbagai jenis amalan politik Islam yang diamalkan oleh Khalifah Umar Abdul Aziz dalam pemerintahan Baginda. Amalan ini digunakan untuk memudahkan Baginda dalam melaksanakan pemerintahannya agar lebih teratur dan dapat mencapai setiap matlamat dalam pemerintahannya. Politik Islam ditegakkan daripada kaedah sistem sosial yang telah ditetapkan Allah SWT (Omardin Ashaari, 2008: 119). Hal ini berkaitan dengan tugas asasi khalifah Islam. Antara tugas asasi tersebut ialah menegakkan keadilan, menjaga kebajikan rakyat, menyayangi rakyat, menegakkan syariat Allah SWT, membimbing rakyat ke jalan kebaikan, menunjukkan contoh teladan yang baik, memandu manusia dalam urusan keagamaan dan keduniaan, dan menjaga hubungan baik dengan masyarakat bukan Muslim (*zimmi*) (Yahaya Jusoh & Kamarul Azmi Jasmi, 2006: 57-67).

Artikel ini dibahagikan kepada enam bahagian yang merujuk kepada enam amalan. Pertama, amalan politik berasaskan keadilan; kedua, amalan politik berasaskan *amar makruf nahi mungkar*; ketiga, amalan politik berasaskan amanah; keempat, amalan politik berasaskan sistem syura; kelima, amalan politik berasaskan pengagihan semula kekayaan; dan keenam, amalan politik berasaskan perlindungan sosial.

Pertama: Amalan Politik Berasaskan Keadilan

Amalan pertama yang digunakan oleh Khalifah Umar Abdul Aziz ialah dengan cara menegakkan keadilan dalam pemerintahannya. Sebagai contoh, Khalifah Umar Abdul Aziz telah memerintahkan supaya seseorang tidak dihukum kejam tanpa pengetahuannya. Setiap tuduhan dan kesalahan harus dibuktikan dahulu sama ada benar atau tidak (Ananto Pramandhika, 2011; Ali Muhammad al-Shallabi, 2010: 36). Sekiranya benar kesalahan tersebut, maka Khalifah Umar Abdul Aziz boleh menjatuhkan hukuman yang setimpal terhadap rakyat yang bersalah. Hal ini telah mengingatkan rakyat Baginda mengenai pemerintahan datuknya iaitu Khalifah Umar al-Khattab yang juga menerapkan nilai keadilan dalam pemerintahannya. Tindakan ini boleh mengelakkan permusuhan antara rakyat dan pemerintah. Rakyat juga dapat hidup dalam kesejahteraan. Amalan ini harus diikuti oleh pemerintah dan rakyat masa kini agar pertumpahan darah, pemberontakan dan perpecahan tidak berlaku seperti yang berlaku seperti yang berlaku dalam peperangan di Iraq dan Syria.

Khalifah Umar juga menulis surat kepada gabenor Khurasan, iaitu al-Jarrah bin Abdullah al-Hakami seperti berikut (Ali Muhammad Ash-Shallabi, 2010: 144):

“Wahai Ibnu Ummi Jarrah, jangan menyebat seorang Mukmin atau orang kafir yang mendapat perlindungan keamanan daripada kaum Muslimin kecuali dengan alasan yang benar. Berhati-hatilah dalam menjalankan *qisas* kerana kamu akan menghadap Allah SWT yang mengetahui kerdipan mata dan perkara yang tersimpan dalam dada dan kamu sendiri akan membaca sebuah buku cacatan amal”.

Kandungan surat ini menjelaskan bahawa gabenor Khurasan tersebut tidak boleh menjalankan hukuman yang berat terhadap rakyat yang mendapat perlindungan daripada kaum Muslimin. Gabenor Khurasan harus mendapatkan kebenaran atau perintah daripada Khalifah Umar Abdul Aziz terlebih dahulu. Amalan ini dapat mengelakkan permusuhan antara rakyat dan pemerintah yang menyebabkan kucar-kacir dalam sesuatu pemerintahan dan dapat mengelakkan kemurkaan Allah SWT kerana menghukum orang yang tidak bersalah.

Secara jelasnya, Khalifah Umar Abdul Aziz juga melaksanakan amalan politik Islam dengan cara bersikap adil kepada ahli *dzimmah*³, Baginda memerintahkan agar ahli *dzimmah* tidak diperlakukan sewenang-wenangnya atau merosakkan tempat ibadah mereka. Khalifah Umar Abdul Aziz melarang para gabenornya menghancurkan gereja, kuil dan tempat ibadah orang Majusi kerana kaum Muslim telah berdamai dengan mereka (Abdullah al-Hakam, 2009; Ali Muhammad al-Shallabi, 2010: 44). Tindakan ini juga dapat dijadikan contoh supaya pemerintah dan rakyat tidak mempercayai agama lain supaya tidak timbulnya salah faham dalam urusan keagamaan masing-masing. Khalifah Umar menggunakan peranannya sebagai ketua untuk membenarkan kaum Majusi bebas menjalankan agama mereka. Hal ini membuktikan bahawa Baginda tidak memaksa rakyat Baginda untuk memeluk Islam dan turut membuktikan bahawa Islam itu bukanlah agama paksaan. Amalan ini menyebabkan kaum Majusi boleh mempelajari agama Islam dan lama-kelamaan dapat menarik kaum Majusi tertarik dengan agama Islam secara perlahan-lahan sehingga agama Islam dapat berkembang dengan pesat di seluruh dunia (W. Z. Kamaruddin W. Ali, 2010: 4-12). Tindakan ini boleh digunakan oleh Islam dengan cara

³ Secara istilah, Zimmi (Bahasa Arab: ذمي, majmuk: أهل الذمة, *ahlul zimmah*, "orang-orang zimmah") adalah orang *non-Muslim* merdeka yang hidup dalam kerajaan Islam sebagai balasan kerana membayar cukai perorangan, menerima perlindungan dan keamanan.

mempamerkan keindahan Islam kepada penganut agama lain agar mereka tertarik kepada Islam dan dapat disebar ke seluruh dunia.

Kedua: Amalan Politik Berasaskan *Amar Makruf Nahi Mungkar*

Amalan kedua yang dilaksanakan oleh Khalifah Umar Abdul Aziz ialah amalan *amar makruf nahi mungkar* (Firdaus A.N, 1985: 99). Baginda menyatakan bahawa jika pegawai dan pekerja Baginda berbuat zalim dalam pentadbiran dan rakyatnya maka haruslah orang tersebut mempunyai perasaan takut kepada Allah SWT dengan melaporkan hal tersebut kepada Baginda (Ali Muhammad al-Shallabi, 2010: 36). Hal ini membuktikan bahawa setiap tindakan Baginda tidak lekang daripada dihubungkan dengan Allah SWT. Tindakan ini mencerminkan bahawa Baginda seorang yang taat kepada hukum Allah SWT dan menghormati para ulama. Amalan ini dapat mengelakkan orang yang tidak layak memegang jawatan daripada berada dalam sesuatu tampuk pemerintahan. Hal ini dapat menjamin pentadbiran dalam negaranya dilaksanakan dengan telus, adil dan beramanah tanpa sebarang penyelewengan.

Amalan *amar makruf nahi mungkar* juga telah menyebabkan kecenderungan dan minat rakyat Baginda berubah tidak seperti pada zaman pemerintahan Bani Umayyah yang lebih gemar berbicara mengenai perempuan, pembangunan, dan makanan (Asmawati Suhid, 2007: 169-174). Rakyat pada zaman pemerintahan Khalifah Umar Abdul Aziz lebih menumpukan perhatiannya terhadap amal ibadah yang dilakukan setiap hari (Asmawati Suhid, 2007: 169-174; Ali Muhammad al-Shallabi, 2010: 146). Amalan ini dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan rakyat Baginda agar lebih beriman dan dapat meningkatkan amal ibadah mereka pada setiap hari. Hal ini dapat dicontohi pemerintah dan rakyat pada masa kini supaya dapat menumpukan kepada tahap ibadah mereka. Apabila ibadah mereka kukuh, ia menyebabkan umat Islam tidak lemah dan tidak mudah ditindas contohnya seperti pada zaman pemerintahan Rasulullah SAW dan Khulafa' al-Rasyidin yang berjaya memenangi banyak peperangan.

Khalifah Umar Abdul Aziz juga tidak berasa cukup dengan hanya menegakkan agama Islam dalam negaranya sahaja, Baginda turut memberi perhatian kepada golongan bukan Islam dengan menggunakan amalan untuk meramaikan lagi bilangan orang yang memeluk agama Islam (Abdullah al-Hakam, 2009: 65-68). Baginda telah menghantar surat kepada raja-raja India dan raja-raja wilayah di seberang sungai untuk memeluk agama Islam. Khalifah Umar menyatakan bahawa jika mereka masuk Islam, hak dan kewajipan mereka sama dengan hak dan kewajipan kaum Muslimin (Abdullah al-Hakam, 2009:65-68). Amalan ini secara tidak langsung dapat mengukuhkan lagi kedudukan Baginda sebagai pemerintah. Hal ini menyebabkan Islam itu tersebar ke seluruh pelusuk dunia dan terus kekal sehingga sekarang.

Seterusnya, berdasarkan amalan *amar makruf nahi mungkar* dan kuasa pemerintahan yang Baginda ada, Khalifah Umar Abdul Aziz telah memecat pegawai yang zalim semasa pemerintahannya. Baginda telah menggantikan pegawai tersebut dengan melantik pegawai-pegawai yang diyakini akan sifat tauhidnya kepada Allah SWT, kebolehan, kecekapan, dan moral yang tinggi untuk melaksanakan tugas dalam menguruskan pentadbiran dalam sesebuah negara (Ibnu Taymiyyah, 2005: 4). Antara pegawai yang dilantik tersebut ialah Abdul Hamid sebagai gabenor Kufah, Abdur Rahman Nu'aim sebagai gabenor Khurasan, dan Samah bin Malik sebagai gabenor Andalusia (Firdaus A. N, 1985: 99-101). Hal ini merupakan salah satu amalan Baginda dalam melaksanakan pemerintahannya agar menjadi sebuah negara yang kondusif dan dapat membangun dengan cepat tanpa sebarang penyelewengan oleh pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab (Ananto Pramandhika, 2011; Ali Muhammad al-

Shallabi, 2010: 36). Amalan ini dapat memurnikan lagi imej politik umat Islam pada masa kini kerana dapat menjauhkan rakyat daripada pemimpin atau ketua yang zalim.

Ketiga: Amalan Politik Berasaskan Amanah

Selain daripada dua amalan politik Islam di atas, amalan politik yang ketiga pula ialah amanah. Khalifah Umar Abdul Aziz mengamalkan amanah dalam pemerintahannya apabila Baginda menjadi seorang pemerintah dan pelindung kepada rakyat dengan sebaik-baiknya. Pada permulaannya, Baginda melaksanakan amanah tersebut dengan cara membersihkan diri, dan keluarganya daripada kehidupan yang mewah. Segala harta benda dan tanah yang diwarisi secara tidak wajar akan dikembalikan kepada yang berhak ataupun dimasukkan dalam *Bayt al-Mal* (Radieah Mohd Nor, 2013: 83-86; Amer Matsom, 1993: 13-15). Pada suatu hari Khalifah Umar berkata kepada isterinya, Fatimah binti Abdul Malik:

“Wahai Fatimah, apalah gunanya semua kemewahan ini jika sekiranya kehidupan kita semua sentiasa dilaknati Allah SWT. Tidakkah kita patut takut kepada neraka?”

Lalu Fatimah pun membalas:

“Benar, kanda. Tetapi apa yang hendak kanda lakukan, semuanya sudah menjadi hak milik kita”.

Khalifah Umar Abdul Aziz membalas:

“Kita patut mengembalikan harta tersebut kepada yang berhak. Jika tidak, serahkan kepada *Bayt al-Mal*. Dengan cara ini, harta benda ini dapat digunakan untuk kebajikan semua umat Islam. Apa yang kanda lakukan adalah sebagai contoh sebelum bertindak membetulkan orang lain, kita mestilah terlebih dahulu membetulkan diri kita sendiri”.

Perbualan ini mengesahkan bahawa Khalifah Umar Abdul Aziz risau mengenai amanah harta benda dalam melaksanakan pemerintahannya. Hal ini dapat mengimbau kembali ingatan rakyat Baginda mengenai pemerintahan datuk Khalifah Umar Abdul Aziz iaitu Khalifah Umar al-Khattab yang telah melaksanakan pemerintahan Baginda dengan penuh amanah. Amalan ini secara tidak langsung dapat memastikan rakyat dapat hidup aman dan selesa tanpa wujud masalah yang besar semasa pemerintahannya. Tugas khalifah atau ketua negara berperanan untuk memastikan bahawa setiap rakyat yang dipimpin berhak mendapatkan hak mereka (Yahaya Jusoh & Kamarul Azmi Jasmi, 2006: 59).

Selain itu, dengan sikap amanah juga membuatkan Khalifah Umar Abdul Aziz membangunkan masjid, sekolah, pejabat pos, dan pelbagai kemudahan lain untuk digunakan rakyat dan negara (Firdaus A.N, 1985: 100). Pembinaan kemudahan-kemudahan ini bagi memastikan setiap Muslim dapat beribadah walaupun disibukkan dengan belajar dan bekerja (Radieah Mohd Nor, 2013: 82; Jamil Ahmad, 1984: 55-56). Dengan menekankan soal ibadah kepada Allah SWT ini, ia menjadi alasan untuk Allah SWT melicinkan pentadbiran dalam sesebuah negara. Sebagai contoh, terdapat sebuah masjid pada ketika itu berperanan sebagai tempat untuk berkumpul, beribadah, berbincang, dan mengeratkan persaudaraan dalam masyarakat. Pembinaan masjid juga dapat memastikan setiap Muslim dapat beribadah dan belajar perkara-perkara keagamaan dan seterusnya dapat melahirkan ramai golongan yang celik agama dan dapat melicinkan lagi pentadbiran dalam sesebuah negara.

Sebagai cadangan pemulihan imej politik umat Islam masa kini, perlulah menyempurnakan amanah yang telah ditetapkan kepada seorang pemerintah. Amanah untuk memastikan rakyat dapat hidup aman dan amanah memastikan rakyat dapat melaksanakan ibadah kepada Allah SWT dengan mudah dan sempurna. Hal ini bertepatan dengan tugas pelaku pembangunan yang bertanggungjawab melakukan ibadah kepada Allah SWT (Muhammad Syukri Salleh, 2003). Ibadah-ibadah ini merangkumi ibadah asas iaitu solat, berpuasa di bulan Ramadan, menunaikan zakat, mengerjakan ibadah haji apabila mampu dan ibadah *fadhail amal* seperti amalan sunat yang dijadikan sebagai amalan tambahan kepada ibadah asas.

Keempat: Amalan Politik Berasaskan Sistem Syura

Khalifah Umar Abdul Aziz juga kembali menggunakan sistem Syura dalam pemerintahannya. Majlis Syura merupakan Majlis Mesyuarat Negara yang berperanan membantu ketua agama Islam untuk melaksanakan pentadbiran. Pemimpin dilantik berdasarkan suara majoriti ahli syura. Sistem ini mula diaplikasikan semasa pemerintahan Rasulullah SAW dan terus digunakan semasa zaman pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin (Mohd Syakir Mohd Rosdi, 2013: 155). Majlis Syura yang terdiri daripada kalangan para ulama berperanan berbincang terlebih dahulu sesuatu isu sebelum sesuatu keputusan diambil dan dilaksanakan dalam pemerintahan Baginda (Mustafa Daud, 1994: 172). Hal ini merupakan amalan Khalifah Umar Abdul Aziz untuk melicinkan lagi pentadbiran dalam negaranya dengan cara melakukan perbincangan, perundingan dan mendapatkan nasihat dalam menentukan sesuatu keputusan dan ketetapan. Tindakan ini juga boleh dilaksanakan pada masa kini untuk mengelakkan imej politik umat Islam semakin buruk disebabkan pelbagai isu hudud, cukai barangan dan perkhidmatan (GST) dan sebagainya. Isu-isu seperti ini jika tidak dibincangkan dengan teliti ia akan memburukkan imej politik umat Islam di kaca mata dunia dan memudahkan musuh Islam untuk menyerang dan memburukkan negara Islam.

Kelima: Amalan Politik Berasaskan Pengagihan Semula Kekayaan

Amalan politik Islam yang digunakan seterusnya oleh Khalifah Umar Abdul Aziz ialah amalan dalam menguruskan ekonomi. Amalan tersebut ialah amalan pengagihan semula kekayaan. Amalan ini penting kerana kehidupan ini mempunyai kemahuan yang tidak terhad terhadap barangan yang terhad. Terdapat lima bentuk pengagihan semula kekayaan. Pertama, antara individu dengan individu; kedua, antara individu dengan keluarga; ketiga, antara keluarga dengan masyarakat; keempat, antara negara dengan negeri-negeri; dan kelima, antara negara dengan negara. Dalam Islam, pengagihan semula kekayaan dilakukan berdasarkan kaedah kesaksamaan bukan kesamarataan (Mohd Syakir Mohd Rosdi, 2013: 180).

Ketika memegang jawatan sebagai khalifah atau ketua dalam sesebuah negara, Baginda telah mengagihkan harta rampasan perang (*ghanimah*) kepada kaum Mawali yang turut serta dalam perang melawan orang kafir. Amalan pengagihan semula kekayaan ini dikenali sebagai pengagihan semula kekayaan daripada individu dengan individu. Hal ini berbeza ketika zaman khalifah-khalifah sebelum Khalifah Umar Abdul Aziz. Pada zaman tersebut kaum Mawali yang berperang melawan orang kafir tidak mendapat sebarang ganjaran atau bahagian apabila berperang (Firdaus A.N, 1985: 184). Amalan ini menunjukkan bahawa tidak ada golongan yang diketepikan dalam pemerintahannya. Sesiapa yang turut serta dalam mempertahankan negara, mereka mendapat bahagian masing-masing tanpa dikesualikan (Bharuddin Che Pa, 2013: 9). Hal ini menyebabkan rakyat Baginda mengingati amalan Rasulullah SAW semasa memegang tampuk pemerintahan kerana Rasulullah SAW telah mengagihkan harta rampasan perang kepada rakyat yang berjuang bersamanya. Amalan ini dilihat sesuai dilaksanakan pada masa

kini sebagai galakan kepada rakyat untuk lebih bersemangat dalam melakukan pekerjaan atau dalam pertahankan negara.

Amalan kedua yang digunakan oleh Khalifah Umar Abdul Aziz dalam menguruskan ekonomi ialah dengan cara menghapuskan pungutan cukai. Pungutan cukai merupakan satu kezaliman kerana dipungut daripada masyarakat tanpa landasan *syar'i*. Dalam Islam, tugas sebagai seorang khalifah ialah memastikan kebajikan rakyatnya dan bukan membebankan rakyatnya dengan pungutan cukai. Hal ini kerana hasil zakat, *jizyah*, dan pajakan hasil bumi daripada ahli *dzimmah* sudah mencukupi untuk digunakan dalam sesebuah negara. Oleh itu, Baginda melarang pungutan cukai (Ali Muhammad al-Shallabi, 2010: 97).

Cukai yang dipungut dalam bentuk dirham daripada pedagang di pasar dilihat Baginda sebagai kezaliman, maka Baginda menghapuskannya. Hal ini membuktikan bahawa setiap harta yang diperoleh daripada hasil pekerjaan yang dilakukan oleh rakyat Baginda tidak perlu disumbangkan lagi kepada negara kerana hasil pungutan zakat, *jizyah* dan pajakan hasil bumi mencukupi untuk kegunaan rakyat dalam negara tersebut. Amalan ini secara tidak langsung dapat mengelakkan orang miskin daripada ditindas dan mengelakkan masalah jurang kemiskinan dalam sesebuah negara berlaku dengan berleluasa sehingga menyebabkan rakyat yang kaya semakin kaya dan rakyat yang miskin semakin miskin. Hal ini boleh dicontohi untuk dijadikan cadangan pemulihan imej politik umat Islam masa kini dengan cara menghapuskan kadar cukai yang tidak munasabah dalam sesebuah negara (Radieah Mohd Nor, 2013: 83-88). Keadaan ini seterusnya membolehkan rakyat menggunakan harta mereka untuk kegunaan kehidupan seharian mereka serta dapat mengelakkan masalah politik yang lain seperti demonstrasi rakyat, pergaduhan antara parti politik, kenaikan kadar jenayah dan sebagainya kerana hal-hal seperti inilah yang menyebabkan imej politik umat Islam masa kini semakin buruk di kaca mata dunia.

Jadikan amalan politik Islam yang diamalkan Khalifah Umar Abdul Aziz dalam mengatur urusan ekonomi negaranya sebagai tauladan. Baginda telah mengurangkan gaji untuk diri Baginda dan melebihkan gaji pegawainya (Abdullah al-Hakam, 2009). Hal ini merupakan salah satu amalan pengagihan semula kekayaan dalam kalangan individu dengan individu. Pengagihan ini dapat menggalakkan rakyat Baginda untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh dan lebih baik kerana rezeki yang terhasil adalah diyakini setimpal dengan usaha mereka.

Khalifah Umar Abdul Aziz juga memutuskan untuk tidak mengambil sedikitpun harta *fa-i* (harta daripada orang kafir atau negara kafir). Baginda tidak mengambil harta itu sedikit pun kecuali bahagian yang Baginda ambil bersama kaum Muslimin (Abdullah al-Hakam, 2009: 32-33). Hal ini menjelaskan betapa waraknya Khalifah Umar Abdul Aziz dan Baginda tidak akan ambil harta yang bukan daripadanya. Dengan menggunakan amalan ini juga Baginda telah mengurangkan bilangan rakyat miskin dalam negaranya kerana setiap rakyat dipantau sendiri oleh Khalifah Umar Abdul Aziz. Rakyat juga dapat menggunakan gaji yang diperolehi untuk kegunaan seharian mereka seperti membeli makanan, ubat-ubatan, bil hospital dan dijadikan sebagai simpanan jika berlaku kecemasan pada masa akan datang. Amalan seperti ini mampu mengurangkan kadar bilangan golongan miskin dan penjenayah.

Khalifah Umar Abdul Aziz juga menggunakan amalan pengagihan semula kekayaan dengan mengeluarkan seluruh hartanya dan mengembalikannya ke dalam harta kaum Muslimin kecuali harta yang ada di Suwaida. Amalan ini dikenali sebagai amalan pengagihan semula kekayaan daripada individu dengan keluarga dan amalan pengagihan semula kekayaan dari sebuah

keluarga kepada masyarakat. Baginda mengusahakan tanah tersebut dengan menggunakan duit gajinya yang dikumpul bersama kaum Muslimin. Kemudian, Baginda memberikan hasil pertaniannya, iaitu kurma Ajwah (sejuk dan sihat) kepada orang ramai (Abdullah al-Hakam, 2009: 35). Hal ini menunjukkan satu amalan yang digunakan oleh Khalifah Umar Abdul Aziz dalam membahagikan rezeki yang diperolehi Baginda kepada rakyat. Amalan ini mampu mengukuhkan hubungan antara pemerintah dengan rakyat agar lebih erat.

Seterusnya, Khalifah Umar Abdul Aziz telah mengembalikan hak rakyat yang telah dirampas dan mengeluarkan zakatnya. Amalan ini disebut sebagai amalan pengagihan semula kekayaan daripada negara kepada negeri-negeri. Baginda telah bertindak untuk membersihkan kezaliman yang berlaku di *Bayt al-Mal*. Baginda mengembalikan barang yang ada di *Bayt al-Mal* kepada pemiliknya dan memerintahkan harta tersebut dizakatkan selama harta itu tidak berada pada pemiliknya (Radieah Mohd Nor, 2013: 83; Ali Muhammad Ash-Shallabi, 2010: 99). Jumlah zakat yang dikutip ini kemudiannya diagihkan kepada rakyat Baginda yang terdiri daripada lapan asnaf yang layak iaitu kafir, miskin, *Gharimin*, *Fisabilillah*, *amil*, *Muallaf*, *Riqab* dan *Ibnu Sabil*. Amalan pengutipan zakat ini berkesan untuk menstabilkan ekonomi negara kerana dapat mengurangkan jurang kekayaan dalam sesebuah negara. Pengagihan zakat ini menunjukkan agama Islam sangat menjaga kebajikan semua orang dalam sesebuah negara dan tidak membiarkan golongan yang kurang bernasib baik terbiar untuk meneruskan kehidupan. Zakat juga berfungsi untuk menyedarkan golongan kaya akan tanggungjawab mereka untuk membantu golongan miskin dan golongan yang kurang bernasib baik. Sebagai pulangnya kepada golongan kaya ialah zakat mampu membersihkan harta mereka.

Amalan lain yang digunakan oleh Khalifah Umar Abdul Aziz ialah menyiapkan hadiah sebanyak seratus sehingga tiga ratus dinar bagi sesiapa pun yang menunjukkan kebaikan, kesalahan atau mengungkapkan kezaliman yang berlaku. Amalan pengagihan semula kekayaan ini dikenali sebagai amalan pengagihan semula kekayaan antara negara dengan negara. Baginda telah menulis sebuah surat makluman kepada jemaah haji seperti berikut:

“*Amma ba'du*, lelaki mana pun yang menghadap kami untuk melaporkan adanya kezaliman atau dia datang membawa sebuah perkara dengannya, maka dia berhak mendapatkan seratus hingga tiga ratus dinar menurut perhitungan pihak berkuasa dan jarak perjalanan. Semoga Allah SWT merahmati seseorang yang berani menghadapi kesulitan perjalanan, dan semoga Allah SWT menghidupkan sebuah kebenaran atau mematikan sebuah kezaliman atau membuka kebaikan di belakangnya”.

Hal ini menunjukkan bahawa sekiranya terdapat lelaki yang menghadap Baginda dan memberitahu mengenai kezaliman yang berlaku, maka orang itu akan dihadiahkan seratus hingga tiga ratus dinar. Amalan ini untuk menggalakkan rakyat Baginda agar membuat kebaikan dan sentiasa bercakap benar. Amalan ini juga mampu mengelakkan masalah seperti rasuah, penyelewengan, penyeludupan dan sebagainya. Amalan ini juga boleh dijadikan salah satu cadangan pemulihan imej politik umat Islam pada masa kini.

Seterusnya, Khalifah Umar Abdul Aziz telah memberi kebebasan kepada setiap rakyatnya untuk berniaga dan berusaha sama ada di darat atau di laut. Hal ini dilihat sebagai amalan untuk rakyat meneroka perkara-perkara baru sebagai dorongan untuk berhubung dengan pihak antarabangsa dan mampu untuk meluaskan lagi jaringan dan pertumbuhan ekonomi dalam negara mereka. Amalan ini boleh dikenali sebagai amalan pengagihan semula kekayaan antara

negara dengan negara dan amalan pengagihan semula kekayaan daripada negara dengan negeri-negeri. Baginda juga tidak menghalang rakyat Baginda untuk mencari rezeki di mana pun yang mereka mahu. Amalan ini bukan sahaja dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara, namun perkara ini juga dapat mendidik rakyat Baginda agar lebih berdikari dan tidak meminta-minta dengan sesiapa pun (Ali Muhammad al-Shallabi, 2010: 112). Hubungan diplomatik antara sesebuah negara dengan negara lain ini menyumbang kepada aktiviti penyebaran dakwah Islam ke negara lain sehingga agama Islam terus kukuh sehingga sekarang. Kelainan budaya juga dapat diketahui dan dipelajari umat Islam. Kesannya, umat Islam menghormati budaya agama lain dan agama lain juga turut menghormati agama Islam. Lama-kelamaan penganut agama lain juga tertarik dengan agama Islam kerana tertarik dengan keindahan agama Islam itu sendiri.

Amalan pengagihan semula kekayaan yang seterusnya digunakan oleh Khalifah Umar Abdul Aziz ialah dengan mengembalikan harta orang-orang Khawarij kepada keluarga mereka (Radieah Mohd Nor, 2013). Amalan ini juga disebut sebagai amalan pengagihan semula kekayaan daripada individu dengan keluarga. Khalifah Umar Abdul Aziz tidak menawan anak-anak dan kaum wanita golongan Khawarij dan tidak mengambil harta mereka. Baginda telah memerintahkan agar harta tersebut dikembalikan kepada pemiliknya. Baginda juga memerintahkan supaya golongan Khawarij yang ditawan dikenakan hukuman penjara sehingga mereka kembali kepada kebenaran dan meninggalkan akidah sesat mereka. Amalan ini secara tidak langsung dapat menambahkan lagi bilangan orang Islam kerana Baginda tidak menggunakan kekerasan dalam memerangi golongan Khawarij sebaliknya menggunakan cara yang berhikmah untuk mengajak golongan Khawarij agar memeluk agama Islam (Ali Muhammad Ash-Shallabi, 2010: 230-231). Amalan ini mengukuhkan lagi Islam di persada antarabangsa dan dikenali di seluruh pelusuk dunia dan sesuai dicadangkan sebagai pemulihan imej politik umat Islam pada masa kini.

Seterusnya, dalam amalan pengagihan semula kekayaan, Baginda telah membayar mas kahwin rakyatnya daripada sumber *Bayt al-Mal*. Amalan ini ialah amalan pengagihan semula kekayaan daripada individu dengan keluarga. Baginda memberi perhatian dalam membayar mahar perkahwinan daripada sumber *Bayt al-Mal* bagi sesiapa yang tidak mampu membayarnya. Abu al-Ala' berkata, surat keputusan Khalifah Umar Abdul Aziz mengenai hal ini dibaca di masjid Kufah, dan aku mendengarnya,

“Sesiapa memikul amanat yang dia tidak mampu menunaikannya, maka berilah dia daripada harta Allah SWT. Sesiapa berkahwin dan tidak mampu memberikan mahar, maka berilah dia daripada harta Allah SWT”.

Hal ini penting dalam menjamin kehidupan masyarakat kerana kebaikan masyarakat tertumpu kepada sesebuah perkahwinan. Kadang-kadang mas kahwin menjadi satu kesukaran bagi orang-orang miskin untuk berkahwin, khususnya ketika saat mahar melambung tinggi. Amalan ini mampu untuk mewujudkan masyarakat yang saling bantu-membantu. Sekiranya negara berupaya menyediakan mas kahwin untuk rakyat yang tidak berkemampuan, maka negara lebih berperanan dalam menjaga rakyat daripada kemaksiatan yang membawa ketidakstabilan sosial negara (Ali Muhammad al-Shallabi, 2010: 313).

Keenam: Amalan Politik Berasaskan Perlindungan Sosial

Khalifah Umar Abdul Aziz telah melaksanakan amalan perlindungan sosial dengan cara mengembalikan hak-hak kepada para pemiliknya (Bharuddin Che Pa, 2013: 9). Sebagai contoh, Baginda telah mengembalikan tanah milik seorang lelaki di Basrah dengan dijelaskan daripada lelaki tersebut iaitu “*Amir al-Mu’minin, anda bertanya mengenai biayaku untuk datang ke sini padahal engkau telah mengembalikan tanahku yang lebih baik daripada seratus ribu dinar?*” (Ali Muhammad al-Shallabi, 2010: 84). Melalui penjelasan lelaki tersebut membuktikan bahawa Khalifah Umar Abdul Aziz mengembalikan tanah kepada pemilik asal tanah tersebut. Hal ini kerana Baginda mempunyai prinsip, iaitu membuang segala keraguan dengan berkeyakinan sehingga Baginda berasa tenang bahawa perkara yang dimilikinya tidak mempunyai shubhah kerana tersangkut dengan hak orang lain (Ali Muhammad al-Shallabi, 2010: 70). Amalan ini dilakukan untuk mengelakkan sikap bermusuhan kerana ada rasa tidak berpuas hati antara rakyat disebabkan rampasan harta daripada golongan pemerintah sehingga menyebabkan perpecahan. Hal ini boleh menyebabkan sesebuah negara hancur kerana sikap tidak berpuas hati tersebut.

Khalifah Umar Abdul Aziz juga melepaskan dirinya daripada harta yang dimiliki seperti tanah atau barang-barang lain dengan pelbagai cara seperti menjualnya. Baginda telah menjual barang-barang yang tidak diperlukannya seperti hamba sahaya, pakaian, dan minyak wangi. Harga barang-barang tersebut mencapai dua puluh tiga ribu dinar dan Khalifah Umar Abdul Aziz menggunakannya di jalan Allah SWT atau Khalifah Umar melepaskan diri Baginda dengan cara mengembalikannya kepada pemilik sah barang-barang tersebut. Hal ini Baginda lakukan terhadap tanah-tanah yang diberikan Bani Umayyah kepada Baginda (Ali Muhammad al-Shallabi, 2010: 71). Setelah Khalifah Umar Abdul Aziz membersihkan diri Baginda sendiri dalam memulangkan hak kepada mereka yang berhak, maka langkah berikutnya yang Baginda ambil adalah memeriksa keluarganya iaitu sepupu-sepupu Baginda dan saudara-saudara Baginda daripada keluarga besar Bani Umayyah. Setelah selesai pemakaman sepupunya Sulaiman bin Abdul Malik, Khalifah Umar telah mengesan bahawa sepupu Baginda yang lain telah membelanjakan harta dalam jumlah yang besar untuk tampil mewah di hadapan rakyat. Mereka membeli kenderaan, pakaian baru, minyak wangi dan minyak bersolek. Bagi Baginda, semua itu adalah pemborosan dan berlebih-lebihan tanpa alasan dan semuanya ditanggung oleh *Bayt al-Mal*. Jika dibiarkan, perkara ini boleh menyebabkan sesebuah negara menanggung hutang negara yang tinggi dan seterusnya dapat melumpuhkan ekonomi negara. Setelah itu, Khalifah Umar Abdul Aziz telah bertindak mengembalikan semua harta tersebut kepada *Bayt al-Mal* (Ali Muhammad al-Shallabi, 2010: 83). Baginda telah menggunakan peranan Baginda sebagai ketua untuk menguruskan ekonomi dengan amalan mengembalikan harta yang dimilikinya kepada pemilik sah harta tersebut. Imej politik umat Islam ketika ini ialah mampu menjamin kesejahteraan hidup rakyat dalam sesebuah negara.

Khalifah Umar Abdul Aziz mengumumkan kepada umat Islam bahawa sesiapa yang mempunyai hak atas gabenor atau orang-orang Bani Umayyah atau pernah dianiaya oleh mereka, maka hendaklah dia menghadap dengan membawa bukti-bukti supaya Baginda dapat mengembalikan hak rakyat kepada yang berhak (Ali Muhammad al-Shallabi, 2010). Melalui amalan ini, Khalifah Umar telah mula mengembalikan hak-hak mereka kepada yang berhak seperti tanah, ladang, harta dan barang-barang lainnya. Kesannya, amalan ini dapat mengelakkan permusuhan dan peperangan antara pemerintah dengan rakyat kerana Baginda telah mengembalikan hak rakyat dan seterusnya dapat menjamin kesejahteraan hidup dalam sesebuah negara.

Khalifah Umar Abdul Aziz bersikap adil kepada ahli *dzimmah*, Baginda memerintahkan supaya ahli *dzimmah* tidak diperlakukan sewenang-wenangnya atau merosakkan tempat ibadah mereka. Khalifah Umar melarang para gabenornya menghancurkan gereja dan kuil orang Majusi kerana Islam telah berdamai dengan mereka. Baginda juga memberi kebebasan berniaga kepada rakyat sama ada di daratan atau di lautan (Abdullah al-Hakam, 2009). Amalan ini dapat melahirkan perasaan hormat-menghormati dalam kalangan masyarakat berbilang agama terhadap agama masing-masing dan hal ini menyebabkan rakyat Baginda dapat mengetahui adat dan budaya agama lain sehingga hal ini dapat menjamin keselamatan dalam sesebuah negara kerana masyarakat saling memahami agama, adat dan budaya masing-masing. Hal ini secara tidak langsung dapat mengukuhkan hubungan sosial rakyat dalam sesebuah negara.

Khalifah Umar Abdul Aziz juga memberi perhatian lebih kepada orang-orang cacat. Baginda telah membahagi-bahagikan hamba yang diperolehinya kepada semua orang yang lumpuh dan yang menderita penyakit bertahun-tahun lamanya sehingga akhirnya setiap pesakit yang lumpuh dan menghidapi penyakit lain mempunyai hamba yang melayani mereka. Setiap orang buta memiliki hamba yang membantu mereka (Abdullah al-Hakam, 2009: 47). Perkara ini ialah satu amalan bantu-membantu antara rakyat agar lebih prihatin terhadap golongan yang kurang bernasib baik.

Seterusnya, Khalifah Umar Abdul Aziz telah mengembalikan *mazhalim* iaitu barang-barang yang diambil dengan zalim kepada pemiliknya. Selepas menjadi khalifah, Baginda segera mengembalikan barang-barang yang diambil dengan zalim dan jumlah tanah milik rakyat yang diagihkan sewenang-wenangnya atas nama negara. Khalifah sebelumnya iaitu Sulaiman bin Abdul Malik telah membuat surat perintah untuk memberikan harta kepada Anbasah bin Said bin Ash sebanyak 20 ribu dinar. Anbasah telah mengurusnya dari satu pejabat ke pejabat yang lain hingga sampai ke pejabat pengesahan dan tinggal menerima harta itu, tetapi Sulaiman terlebih dahulu meninggal dunia dan dia belum sempat menerima wang itu (Abdullah al-Hakam, 2009: 49). Perkara ini ialah satu amalan untuk sentiasa menunaikan amanah dan sentiasa komited terhadap perkara yang dipertanggungjawabkan kepada seseorang.

Khalifah Umar menyedari bahawa jurang sosial dalam masyarakat terjadi kerana ketidakadilan dalam pembahagian harta kekayaan negara. Maka, Baginda dengan peranannya sebagai khalifah pada ketika itu menetapkan amalan baru untuk mengangkat darjat orang-orang miskin dan orang-orang teraniaya. Untuk merealisasikan tujuan tersebut, Khalifah Umar Abdul Aziz menggunakan pelbagai cara. Pertama, baginda melarang para gabenor dan pejabat kerajaan untuk menjadikan wang rakyat sebagai modal perniagaan; kedua, baginda meningkatkan infak dan perhatian untuk masyarakat yang tidak mampu dan lemah dengan menjamin tingkat kecukupan untuk mereka melalui zakat; dan ketiga, baginda memerintahkan agar pihak kerajaan membayar hutang bagi orang-orang yang berhutang (Ali Muhammad Ash-Shallabi, 2010: 462).

Dalam amalan perlindungan sosial juga Khalifah Umar Abdul Aziz telah melunaskan hutang orang-orang yang terlilit hutang. Baginda telah menulis surat kepada gabenornya:

“Lunasilah hutang orang-orang yang memikul hutang”.

Maka salah seorang gabenornya membalas:

“Kami melihat salah seorang daripada mereka mempunyai tempat tinggal, pelayan, kuda dan kelengkapan di rumahnya”.

Maka Khalifah Umar Abdul Aziz membalas:

“Seorang Muslim harus mempunyai tempat tinggal untuk dirinya, pelayan yang membantu tugasnya, kuda untuk berjihad melawan musuhnya dan kelengkapan di rumahnya. Oleh itu, apabila dia terlilit hutang, maka lunasilah hutang yang harus dia bayar”.

Dalam surat di atas, Baginda memerintahkan supaya melunaskan hutang orang yang terlilit hutang walaupun orang tersebut mempunyai tempat tinggal, perabot, pelayan dan kuda. Hal ini adalah merupakan amalan Khalifah Umar Abdul Aziz untuk memastikan rakyat Baginda sentiasa gembira, bantu-membantu antara satu sama lain dengan cara membayar hutang orang yang kesulitan dan mencukupkan keperluan orang yang memerlukan (Ali Muhammad Ash-Shallabi, 2010: 307). Amalan ini telah menyebabkan rakyat Baginda dapat hidup dengan gembira dan tidak dibebani hutang.

Amalan perlindungan sosial yang dilaksanakan oleh Khalifah Umar Abdul Aziz dilihat sesuai digunakan sebagai solusi pemulihan imej politik umat Islam masa kini kerana amalan-amalan yang digunakan bertujuan menjaga kebajikan rakyat Baginda dan untuk memakmurkan negaranya.

Kesimpulan

Kesimpulannya, Khalifah Umar Abdul Aziz merupakan seorang tokoh politik yang memperkenalkan pelbagai amalan politik Islam. Terdapat enam amalan politik Islam yang digunakan oleh Khalifah Umar Abdul Aziz. Pertama, amalan politik berasaskan keadilan; kedua, amalan politik berasaskan *amar makruf nahi mungkar*; ketiga, amalan politik berasaskan amanah; keempat, amalan politik berasaskan sistem syura; kelima, amalan politik berasaskan pengagihan semula kekayaan; dan keenam, amalan politik berasaskan perlindungan sosial. Amalan-amalan ini menyebabkan segala urusan berkaitan politik, ekonomi dan sosial dapat diuruskan dengan teratur dan seterusnya dapat mencapai matlamat sewajarnya dalam pemerintahan sesebuah negara.

Baginda melaksanakan amalan ini dengan menggunakan pelbagai cara seperti bantu-membantu, mengembalikan hak rakyat, menjaga kebajikan rakyat, menggembirakan hati rakyat, mendorong rakyat melakukan kebaikan, mendidik rakyat, menyayangi rakyat, membimbing rakyat ke jalan kebaikan dan sebagainya.

Amalan-amalan ini menyebabkan imej baiknya politik Baginda yang dilakukan secara Islam menjadi tersohor kerana rakyat mendapat kebajikan yang sewajarnya daripada pemerintah. Baginda juga membimbing semua rakyatnya dengan penuh kasih sayang menuju jalan kebenaran dan amat menekankan mengenai kewajipan setiap manusia agar melakukan kebaikan. Bagi Baginda hanya dengan ketaatan dan ketakwaan kepada Allah SWT sahaja boleh mencapai kebaikan dalam kehidupan. Tanpa ketaatan dan ketakwaan kepada Allah SWT, maka sukar untuk mencapai kebaikan dalam kehidupan.

Bibliografi

- A. H. Edrus, 1967. *Khalifah Umar bin Abdul Aziz: Khalifah yang adil dan bertanggungjawab*, Petaling Jaya, Selangor: Qalam Printers dan Publishers.
- Abdullah Abdul Hakam, 2009. *Umar bin Abdul Aziz: Peribadi zuhud penegak keadilan*. (Terj.) Siddiq Fadzil, Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise.
- Ahmad Azam Sulaiman & Mohammad Fadzli Hashim, 2011. *Kesan kitaran ekonomi terhadap kadar indeks jenayah di Malaysia*, Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI), Ekonomi Berpendapatan Tinggi: Transformasi ke Arah Peningkatan Inovasi, Produktiviti dan Kualiti Hidup, di Melaka Bandaraya Bersejarah, pada 5 – 7 Jun 2011.
- Ali Muhammad al-Shallabi, 2010. *Perjalanan hidup khalifah yang agung Umar bin Abdul Aziz: ulama dan pemimpin yang adil*, (Terj.) Izzudin Karimi, Lc. Jakarta: Darul Haq.
- Al-Saleh, 1984. *Politik dan Pentadbiran dalam Islam*, (Terj.) Osman Khalid, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Amer Matsom, 1993. *Khalifah Umar bin Abdul Aziz*, Kuala Lumpur: Penerbit Orkid.
- Ananto Pramandhika, 2011. *Motivasi kerja dalam Islam*, Semarang: Universitas Diponegoro.
- Asmawati Suhid, 2007. Pengajaran adab dan akhlak Islam dalam membangunkan modal insan, *dlm., Jurnal Pengajian Umum Bil. 8, 167-178*.
- Bharuddin Che Pa, 2013. *Hak dan tanggungjawab masyarakat dalam konteks Siasah Syar'iyah*, kertas kerja yang dibentangkan di Prosiding Seminar Kebangsaan Pelaksanaan Siasah Syar'iyah Dalam Konteks Masa Kini: Isu Dan Cabaran, di Kolej Universiti Islam Melaka, pada 21 Februari 2013.
- Che Su Mustafa, Wan Abdul Rahman Khudzri Wan Abdullah dan Mohamad Sukeri Khalid, 2005. *Pembangunan: implikasi sosial dan fizikal*, Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Firdaus A. N., 1985. *Kepimpinan khalifah Umar bin Abdul Aziz*, Jakarta: CV. Pedoman Ilmu Jaya.
- Ibn Taymiyyah, 2005. *Politik syar'i: dalam memperbaiki pemerintah dan rakyat*, (Terj.) Hamid Fahmi dan Asep Sobari, Kuala Lumpur: iBook Publication Sdn. Bhd.
- Mohd Syakir Mohd Rosdi, 2013. *Ekonomi politik Islam: Teori dan falsafah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Syakir Mohd Rosdi, 2014. *Tahaluf Siyasi dalam ekonomi politik Islam: Satu kajian teoretis*, tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Mu' adz Mohd Saufee, 2015. *Amalan tadbir urus khalifah Umar Abdul Aziz*. Disertasi yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Syukri Salleh, 2003. *Tujuh prinsip pembangunan berteraskan Islam*, Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd.
- Muhammad Tahir, 2013. *Tidak Islamiknya pembangunan di negara Islam*, kertas kerja yang dibentangkan di Program Pascasarjana Magister Manajemen, Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi "Keuangan, Perbankan dan Pembangunan" (STIE "KBP"), di Padang, Sumatera Barat, Indonesia pada June 2013.
- Mustafa Haji Daud, 1994. *Pengantar politik Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Ain Arshad & Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, 2015. *Amalan pengambilan dan pemilihan sumber manusia menurut perspektif Islam: kajian di UITM cawangan Pahang*, kertas kerja yang dibentangkan di *Proceeding 2th International Convention on Islamic Management* pada 2015.

- Omaridin Ashaari, 2008. *Sistem politik dalam Islam*, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Radieah Mohd Nor, 2013. Pengurusan baitulmal era pemerintahan Khalifah Umar Abdul Aziz, dlm., *Jurnal Al-Tamaddun*, Vol. 8, No. 2, hal. 81-88.
- Shamsulbahriah Ku Ahmad, 1990. *Pengantar ekonomi politik*, Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suraiya Ishak, 2011. Model kepemimpinan etika berlandas sirah Nabi Muhammad SAW, dlm. *Jurnal Hadhari*, Vol. 3, No. 2, hal. 23 – 44.
- Syed Husin Ali, 1976. *Apa erti pembangunan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Winardi, 1976. *Pengantar teori politik ekonomi*, Bandung: Penerbit Alumni.
- Yahaya Jusoh dan Kamarul Azmi Jasmi, 2006. *Pendidikan politik dan khilafah Islam dalam pelbagai perspektif*, Skudai, Johor Darul Takzim: Universiti Teknologi Malaysia.